

Kajian Eksploratif Pengalaman Kerjaya Antarabangsa Ekspatriat Akademik Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

ABSTRACT

Fokus kajian ini adalah hubungan di antara pengalaman di peringkat antarabangsa dan kerjaya akademik. Berdasarkan kajian ke atas 40 ekspatriat akademik yang bertugas di empat buah insititusi pengajian tinggi terpilih di Malaysia, kajian ini melaporkan bagaimana ekspatriat membuat keputusan untuk menerima tawaran bertugas di Malaysia dan cara mereka menilai tawaran pekerjaan tersebut. Maklumat dari kajian lepas digunakan sebagai rangka analisa bagi mengaitkan dapatan kajian dengan tema kerjaya kontemporari. Keinginan untuk mengembara didapati menjadi punca utama mendorong ekspatriat akademik menerima tawaran pekerjaan di luar Negara. Manakala potensi mobiliti kenaikan pangkat di arena antarabangsa menjadi justifikasi terhadap penghijrahan tersebut.